

Seronok belai PERAK MAN

Setiap hari periksa rangka manusia berusia lebih 10,000 tahun

Oleh DJ Dolasoh
am@hmetro.com.my

Wanita ini masih muda, tapi jiwanya sangat kental apabila berani berdepan rangka Perak Man - manusia terkenal berusia lebih 10,000 tahun yang menjadi khazanah negara.

Dalam kamus hidup Penolong Kurator Galeri Arkeologi Lembah Lenggong (GALL), Nur Aidah Pirus, tiada istilah takut kerana baginya, tugas diamanahkan jabatan wajib dilaksanakan sebaik mungkin.

Malah, dia sangat berbangga memikul amanah kerana berpeluang 'membelai'

rangka Perak Man yang dikatakan sebahagian tamadun awal manusia di negara ini.

"Seawal jam 9 pagi, saya dan seorang lagi rakan bertugas akan memeriksa rangka Perak Man yang diletakkan di tempat khas untuk dipamerkan kepada umum setiap hari," kata Nur Aidah.

Menurutnya, pemeriksaan sama akan dilakukan sekali lagi jam 4 petang oleh dirinya atau Pembantu Muzium Kanan, Azizul Abdul Rahman yang ditugaskan 'menjaga' Perak Man.

"Selain memeriksa suhu dan kelembapan sesuai sebagaimana ditetapkan supaya rangka Perak Man tidak terjejas dan rosak, kami membuat pemantauan dua kali sehari melalui sistem pemantauan berkomputer kamera litar tertutup (CCTV)," katanya.

Nur Aidah berkata, sejak dipamerkan di GALL pada 15 Februari lalu sehingga kini, tidak berlaku

masalah dalam mengurus selia rangka manusia prasejarah itu.

Ditanya mengenai kejadian pelik berlaku sepanjang bertugas kerana Perak Man adalah tulang manusia, katanya, sehingga kini tidak ada peristiwa berlaku meskipun segelintir orang mempercayai rangka seperti itu boleh mendatangkan sesuatu yang mistik.

"Saya dan pegawai di sini sentiasa sibuk dengan pelbagai tugas, termasuk melayani ratusan pengunjung sehari, terutama pelancong dari luar negara yang mahukan penerangan mengenai Perak Man dan arkeologi.

"Kami seronok bekerja, terutama memberi penerangan mengenainya, sehingga ada antara mereka beberapa kali melihat Perak Man dan galeri ini tetapi tetap berkunjung lagi tanpa jemu," katanya.

Menurutnya, orang ramai boleh melihat rangka Perak Man di GALL

secara percuma yang dibuka mulai jam 9 pagi hingga 5 petang setiap hari, kecuali pada Aidilfitri dan Aidiladha.

Galeri seliaan Jabatan Warisan Negara yang menempatkan pelbagai artifak bersejarah dan bernilai ini turut diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Selain maklumat berkaitan sejarah arkeologi, galeri berkenaan dilengkapi Taman Geologi yang menempatkan kawasan permulaan tapak ekskavasi yang memaparkan kesan tinggalan serta kesan mencari gali tinggalan sejarah.

Ia juga peluang terbaik bagi ahli kaji purba atau arkeologis melakukan kajian mengenai kebudayaan prasejarah dengan cara penggalian dan penghuraian kesan tinggalan asal Perak Man.

WAJAH
KEHIDUPAN

Galeri Arkeologi Lembah Lenggong (GALL) atau pernah dikenali sebagai Muzium Arkeologi Lenggong di Kota Tampan, Lenggong kini semakin terkenal dalam kalangan pelancong dalam dan luar negara selepas rangka asal 'Perak Man' yang ditemui di Gua Gunung Runtuh Lembah Lenggong pada 1991 ditempatkan di situ sejak Februari lalu. Bagi menjaga 'aset' penting negara ini, tugas penolong kurator sangat mencabar, apatah lagi berdepan rangka manusia berusia lebih 10,000 tahun seperti coretan Wajah Kehidupan hari ini.



**RANGKA ASAL
PERAK MAN**
*SKELETON OF
PERAK MAN*



ESOK: Perak Man tarikan pelancong



NUR Aidah memeriksa Perak Man seawal jam 9 pagi dan 4 petang setiap hari.



Periksa empat kali sehari

Metro 10/8/14 MS 45.

Rangka Perak Man perlu menjalani pemeriksaan sebanyak empat kali sehari selain ditempatkan di ruang khas Galeri Arkeologi Lembah Lenggong (GALL) di Kota Tampan, Lenggong.

Pengarah Zon Tengah Jabatan Warisan Negara (JWN) merangkap Pengarah Arkeologi Lembah Lenggong, Mohd Syahrin Abdullah berkata, penjagaan rangka Perak Man sangat rapi dan teliti dengan perlu menjalani pemeriksaan empat kali sehari bagi mengelak artifak berusia kira-kira 11,000 tahun itu rosak atau reput.

Menurutnya, pihaknya melantik dua pegawai untuk ditugaskan memeriksa dan memantau Perak Man di galeri itu.

“Rangka Perak Man ditempatkan di bilik khas ia itu dalam peti pemuliharaan berukuran tiga meter lebar dan empat meter panjang sejak dipamerkan di GALL pada 15 Februari lalu dengan suhu tidak melebihi 20 darjah Celsius dan bacaan 60 darjah untuk kelembapan.

“Kajian mendapati keadaan suhu yang tidak terkawal



akan menyebabkan rangka Perak Man mengalami kerosakan dan disebabkan ini kita menjaganya dengan rapi,” katanya ketika ditemui di sini.

Mohd Syahrin berkata, sebelum ini rangka Perak Man bernasib baik kerana meskipun terdedah kepada atmosfera hampir 24 tahun selepas ditemui, ia tidak mengalami kerosakan sehingga ahli arkeologi dunia turut mengaguminya.

“Bagi memastikan Perak Man

terus terpelihara, pemeriksaan dilakukan berterusan dengan rapi bagi memastikan tiada tumbuhan fungus wujud pada rangkanya yang boleh merosakkan struktur fizikalnya.

“Rangka Perak Man juga dikawal rapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti disimpan dalam bilik kebal dengan hanya boleh dilihat pengunjung melalui cermin tebal dan kalis api selain dilindungi jeriji keselamatan,” katanya.



GALERI Arkeologi Lembah Lenggong di Kota Tampan.





Info PERAK MAN

i

- Rangka manusia tertua yang pernah dijumpai di Malaysia. Tulang rangka Perak Man dijumpai pada 1991 di dalam Gua Gunung Runtuh terletak di Bukit Kepala Gajah, di Lembah Lenggong, Hulu Perak pada ketinggian lebih kurang 105 meter dari paras laut.
- Penemuan ini hasil penyelidikan Malaysian Archaeological Research Centre USM diketuai Prof Datuk Zuraina Majid dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia. Antara penemuan terpenting adalah rangka tulang Perak Man yang berumur antara 10,000 hingga 11,000 tahun.
- Perak Man adalah rangka tulang manusia dari zaman batu era Palaeolitik hampir sempurna yang ditemui di Asia Tenggara dan tulang prasejarah yang mempunyai congenital

deformity dikenali sebagai Brchymesophalangia.

- Perak Man dikebumikan dengan posisi 'foetal', iaitu kedua-dua kakinya berlipat ke arah dada dengan tangannya memegang beberapa jenis daging. Ia dikebumikan dengan beberapa peralatan batu dan beribu-ribu kerang sungai.* Melihat kedudukan cara pengebumiannya dan peralatan yang ditanam bersamanya, dipercayai bahawa Perak Man adalah ahli penting bagi puaknya.

- Perak Man adalah lelaki berumur antara 40 hingga 45 tahun dengan ketinggian 157 sentimeter, menjalani kehidupan sihat, memakan makanan berfiber dan berjalan dengan membongkok. Dia memiliki tangan kiri yang lemah dan satu jari cacat.

